

Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Akauntan Kanan Perpendaharaan

Jabatan-Jabatan Yang Mengakaun Sendiri

Pemegang Panjar

Pegawai Pembayar

Peawai Pengakaun

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BIL. 2 TAHUN 1977**

**PENGGUNAAN SLIP BAYAR-MASUK BANK/PENYATA PEMUNGUT BENTUK**

**BARU BAGI KREDIT KE DALAM AKAUN-AKAUN JABATAN-JABATAN**

**MENGAKAUN SENDIRI DI BANK NEGARA MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

Saya merujuk kepada Surat Pekeliling Akauntan Negara No. 1/1976 mengenai perkara di atas yang mana satu salinannya disertakan untuk makluman tuan. Adalah didapati bahawa sistem yang baru ini telah dapat mempercepatkan lagi penyesuaian bank dan juga telah menolong di dalam memungut 'Entries' di dalam Penyata Bank ke dalam Buku Tunai Akauntan Negara lebih awal lagi sebelumnya amalan ini dilaksanakan. Maka dengan yang demikian adalah telah diputuskan untuk diperluaskan peraturan bagi slip Bayaran Masuk Bank/Penyata Pemungut yang baru ini kepada Jabatan-jabatan yang mengakaun sendiri yang berikut mulai daripada 2hb. Jun 1977.

- 1) Kementerian Pelajaran
- 2) Kementerian Pertahanan
- 3) Kementerian Kesihatan
- 4) Kementerian Pertanian
- 5) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
- 6) Jabatan Kerja Raya
- 7) Jabatan Kastam
- 8) Jabatan Polis
- 9) Perpendaharaan (Bahagian Pinjaman Perumahan)
- 10) Jabatan Talikom
- 11) Jabatan Pos

12) Jabatan Penerbangan Awam

2. Slip Bayar Masuk Bank Penyata Pemungut ini adalah sama cara kegunaannya dengan apa yang digunakan bagi pungutan-pungutan yang dibayar masuk ke dalam kredit Akaun Besar. Akaunan Negara Malaysia. Perbezaannya hanyalah nama sesebuah Jabatan yang Mengakaun Sendiri tidak dicetak dan dengan sebaliknya cap Jabatan yang Mengakaun Sendiri yang berkenaan ditaruh diruang yang sama. Slip Bayar Masuk Bank/Penyata Pemungut yang baru ini bolehlah diperolehi dari Bank Negara Malaysia mulai dari minggu terakhir bagi bulan Mei 1977 ini.
3. Peraturan-peraturan yang lainnya adalah tetap tidak berubah sama seperti yang telah disebutkan di dalam Surat Pekeliling saya No. 1/76 kecuali dimana terdapat perkataan 'Akaun Besar Akauntan Negara Malaysia' nama Jabatan yang Mengakaun Sendiri yang berkenaan digantikan.
4. Apa-apa penjelasan lanjut yang diperlukan mengenai pekeliling ini bolehlah didapati daripada Jabatan saya dengan telefon No. 831 sambungan 378.

Saya yang menurut perintah,

**(P. JAGANATHAN)**

b.p. Akauntan Negara Malaysia